

06/06/2000

Malaysia tidak rela jadi boneka asing

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia akan meneruskan dasar pragmatik tanpa tunduk kepada tekanan asing dalam menguruskan soal ekonomi dan pentadbiran negara yang berasaskan demokrasi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Umno akan memastikan kebebasan itu dipertahankan dan tidak sekali-kali akan membenarkan negara dipermainkan atau dijadikan boneka oleh mana-mana negara asing.

"Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini membincang mengenai kebebasan negara kita iaitu semua setuju bahawa negara kita harus bebas dan tidak dikongkong oleh mana-mana pihak.

"Kita tidak ingin melihat negara ini dipermainkan, dijadikan boneka oleh mana-mana negara asing. Sikap dan dasar bebas kita dalam masalah ini akan kita kekalkan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat MT yang pertama setelah perhimpunan agung parti bulan lalu.

Beliau berkata, Malaysia tidak akan rasa malu dengan caranya yang tersendiri dalam menangani sesuatu masalah bagi memastikan ia tidak dikuasai oleh pendapat orang asing mengenai masalah demokrasi negara ini, menangani kewangan negara, industri serta pengagihan kekayaan di antara kaum.

"Kita tak akan rasa malu dan kita akan pertahankan tindakan demi kebaikan negara kita tanpa mengambil kira pandangan orang asing yang begitu tidak senang hati dengan Malaysia terutama kerana Malaysia berjaya walaupun lantang dikritik negara-negara asing.

"Ini menyakitkan hati orang-orang tertentu terutama media Barat yang ingin melihat kerajaan yang dipimpin Umno menjadi lemah dan runtuh sama sekali. Kita berpendapat bahawa kita mampu mempertahankan negara dan kita tidak akan tunduk kepada sesiapa," katanya. Kebebasan Malaysia dan keupayaan negara menggunakan formula sendiri dalam menangani masalah yang dihadapi berkaitan ekonomi khususnya dalam memulihkan kesan kegawatan adalah antara perkara yang dibahaskan oleh perwakilan pada perhimpunan agung parti bulan lalu.

Dr Mahathir berkata mesyuarat MT itu juga memberi perhatian kepada masalah rasuah dan beberapa cadangan dibuat untuk membanteras politik wang dalam parti.

"Kita akan kaji pendekatan ini dan cuba melaksanakannya demi mengurangkan jika tidak menghapuskan sama-sekali politik wang dalam parti... kita ingin lihat Umno bersih daripada politik wang," katanya sambil menambah bahawa semua ahli MT bersetuju Umno mesti bersih daripada politik wang.

Mesyuarat MT itu juga membincangkan apa yang perlu dibuat untuk menguatkan lagi parti tetapi beliau tidak menyebut langkah-langkah yang dicadangkan.

Turut dibincangkan ialah masalah negara yang dibangkitkan pada mesyuarat agung Umno lalu termasuk kurangnya penyertaan Bumiputera dalam bandar-bandar baru, kurangnya pemilikan harta oleh Bumiputera, masalah kekurangan penyertaan Bumiputera dalam perniagaan dan perusahaan.

"Usaha yang perlu dibuat untuk mengatasi masalah ini adalah merupakan perkara penting bagi Umno," katanya.

(END)